

Menjejaki Keunikan Pembinaan Masjid Bulat, Petaling Jaya.

Nur Anisha Shazlin Sidek¹, Siti Nur Nabihah Muhamad Fairul Anuar² dan Jafalizon Md Jali^{3*}

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2022970909@student.uitm.edu.my;

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2022977881@student.uitm.edu.my;

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizon@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

* Correspondence: jafalizon@uitm.edu.my; +0192055563.

Abstrak: Kajian ini dilakukan bagi mengetengahkan sejarah pembinaan Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya lebih dikenali dengan julukan Masjid Bulat. Antara objektif kajian ini ialah untuk mendokumentasikan sejarah awal pembinaan Masjid Bulat, merungkai keunikan seni bina Masjid Bulat dan mengkaji manfaat pembangunan Masjid Bulat di kalangan masyarakat setempat. Dalam temu bual yang dijalankan Bersama Tuan Haji Sohaimi bin Ismail yang merupakan pengurus di Masjid Bulat, beliau merentangkan latar belakang pendidikan, sejarah awal Masjid Bulat, reka bentuk dan seni binanya, dan kesan pembangunan kepada komuniti setempat. Di hujung wawancara ini, Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail mengetengahkan matlamat beliau untuk menjadikan Masjid Bulat ini lebih diketahui ramai khususnya di seluruh negara dan menjadi teladan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam era moden ini. Kajian ini akan memberikan maklumat tentang sejarah awal pembinaan Masjid Bulat dan individu yang terlibat dalam pembangunannya. Akhir kalam, semua pihak harus bekerjasama untuk memelihara dan memulihara sejarah pembinaan masjid ini kerana masjid adalah institusi keagamaan yang paling penting dalam Islam, terutamanya berkenaan dengan pendidikan dan pembangunan komuniti.

Kata kunci: Keunikan, Sejarah, Masjid Bulat, Pembinaan, Senibina.

DOI: 10.5281/zenodo.13925897



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Bangunan bersejarah adalah sumber warisan yang sangat berharga yang akan menunjukkan identiti sesebuah negara. Namun selepas mencapai kemerdekaan, seni bina Malaysia mengalami perubahan (Nik Saiful Ameyrul & Noria, 2021). Hal Ini dikatakan kerana ia dipengaruhi oleh kecelaruan seni bina yang dibawa oleh penjajah Inggeris di Eropah semenjak akhir abad ke-12 hingga di awal abad ke-20 (Gasik, 2012). Sebaik sahaja seni bina tempatan di Malaysia bebas daripada cengkaman penjajahan, perihal identiti senibina tempatan dibincangkan kembali. Kegusaran ini dibimbangi identiti seni bina di negara ini semakin ditelan zaman dan berkemungkinan pupus sekaligus menjadi asing kepada generasi akan datang (Azim A Aziz, 2023).

Dalam agama Islam, masjid yang dibina memainkan peranan penting sebagai tempat beribadah yang khusus. Ini disebabkan oleh fakta bahawa negara Malaysia telah menyatakan Islam sebagai agama persekutuan dan majoriti penduduk di Malaysia adalah penganut agama Islam (Jabatan

Peneranangan Malaysia, 2017). Oleh hal yang demikian, masjid juga memainkan peranan penting sebagai pusat komuniti yang dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara masyarakat (Talhah Ajmain & Sharu, Fitry Abd Majid, 2019). Dari sini masjid boleh dilihat sebagai salah satu hub tempat pengajian dan majlis seperti bengkel pengurusan jenazah, kursus perkahwinan, majlis pernikahan, sambutan hari raya dan bermacam lagi. Walau bagaimanapun, kerana populasi yang pelbagai di negara ini, setiap agama boleh dianuti secara bebas dan setiap orang mempunyai kebebasan untuk menganut kepercayaan mereka sendiri, ini juga dapat dilihat dengan kepelbagaian kaum dan bangsa yang ada di negara Malaysia.

Masjid berasal dari perkataan bahasa arab yang ditakrifkan sebagai nama bagi tempat sujud manakala dari sudut istilah pula masjid merupakan tempat yang disediakan bagi mengerjakan sembahyang selama-lamanya (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Di Malaysia, masjid boleh di jumpai di mana-mana baik di kawasan bandar mahupun kawasan kampung. Terdapat lebih kurang 6,810 masjid di sekitar Malaysia dan 424 buah masjid di negeri Selangor yang telah dibangun kan (Portal Masjid Malaysia, 2024). Kesemua masjid di seluruh Malaysia hendaklah didaftarkan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Portal Rasmi JAKIM, 2020). Hal ini kerana bagi memastikan masjid di negeri Selangor dapat selia dan ditadbir selaras dengan kehendak enakmen dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan (MAIS, Garis Panduan Pembinaan dan Pendaftaran Masjid dan Surau Negeri Selangor)

Masjid Tun Abdul Aziz, atau lebih dikenali dengan nama Masjid Bulat merupakan simbol penting sejarah, budaya, dan keagamaan di kawasan nya. Masjid Bulat merupakan salah satu daripada 6 buah masjid yang terdapat di Petaling Jaya. Masjid ini mula dibina pada September 1973 atas cadangan ahli kariah dan penduduk Seksyen 14. Pembinaan masjid ini selesai pada bulan September 1975 dan melibatkan sekitar 50 hingga 60 orang pekerja tempatan. Justeru itu masjid ini mula digunakan secara rasminya untuk solat sunat Aidilfitri dan mula beroperasi sepenuhnya secara rasmi pada 25 September 1976. Masjid ini dinamakan bersempena dengan nama Tun Abdul Aziz bin Abdul Majid yang merupakan seorang mantan Menteri Besar Selangor ke- 5 yang berjasa dalam memajukan negeri Selangor dan komuniti setempat (Ismail, 2005). Masjid ini juga dikenali sebagai Masjid Bulat atas keunikannya bentuk nya yang bulat. Dari bentuk segi seni bina, Masjid Bulat menampilkan gabungan gaya Islam moden dengan elemen tradisional yang mencerminkan keharmonian antara nilai-nilai tradisi dan kemodenan. Bangunannya yang megah menampilkan kubah dan menara yang menjulang tinggi memberikan ciri khas tersendiri yang membezakannya dari bangunan lain di sekitarnya (Rahman, 2010).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memelihara warisan dan asal usul keunikan pembinaan Masjid Bulat dari hilang ditelan zaman. Melalui sesi temu bual yang telah dilakukan bersama Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail, penyelidik dapat mengetahui dengan lebih terperinci mengenai keunikan pembinaan Masjid Bulat. Tanpa sejarah lisan, kita mungkin tidak mengetahui mengenai cabaran, yang dihadapi, pencapaian yang diperoleh dan peristiwa-peristiwa penting mengenai Masjid Bulat yang tidak terdapat dalam catatan-catatan rasmi mungkin akan hilang (Anwar Sanusi, 2013). Oleh itu, dengan adanya maklumat penyelidikan yang sedemikian, sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai bahan rujukan untuk generasi akan datang.

Kajian ini juga dijalankan bagi mengelakkan kehilangan sumber yang boleh digunakan untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan yang berkaitan dengan masjid tersebut. Melalui kajian ini, sumber berharga yang dapat digunakan sebagai rujukan untuk generasi akan datang dapat dipelihara. Tanpa kajian yang mendalam mengenai masjid ini, para pelajar, penyelidik, dan juga ilmuwan mungkin

mengalami kesukaran untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah dan evolusi masjid ini (Seow Han Lin, 2019).

Walaupun telah terdapat sumber yang menceritakan mengenai sejarah masjid ini, kajian mendalam mengenai asal-usul, perkembangan, dan peranan Masjid Bulat dalam masyarakat belum sepenuhnya dilakukan. Kajian sejarah dan budaya yang komprehensif dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang sumbangan masjid ini terhadap sejarah dan kebudayaan kawasan setempat (Rahman, 2010). Oleh itu, beberapa masalah penyelidikan yang perlu ditangani untuk memahami dan memelihara warisannya ini harus diketengahkan. Dengan pendekatan penyelidikan yang sistematik dan komprehensif adalah diharapkan masjid ini akan terus menjadi simbol keharmonian, integrasi, dan warisan sejarah yang berharga untuk generasi masa depan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mendokumentasikan sejarah awal pembinaan pembinaan Masjid Tun Abdul Aziz.
- ii. Merungkai keunikan seni bina Masjid Tun Abdul Aziz.
- iii. Mengkaji manfaat pembangunan Masjid Tun Abdul Aziz.

4. PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah faktor yang mempengaruhi pembinaan Masjid Tun Abdul Aziz?
- ii. Apakah keunikan seni bina yang terdapat di Masjid Tun Abdul Aziz?
- iii. Apakah manfaat yang diperolehi oleh masyarakat setempat terhadap pembinaan Masjid Tun Abdul Aziz?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Masjid sangat memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat Islam, di mana ia berperanan sebagai pusat pendidikan dan penyebaran ilmu agama yang meliputi aspek akidah, ibadah, akhlak dan seluruh bidang ilmu pengetahuan Islam (Mohd. Ismail & Kamarul Azmi, 2008). Selain itu, masjid juga berfungsi sebagai pusat penyatuan masyarakat dalam menghadapi perselisihan dan perpecahan. Pentingnya kesedaran tentang peranan masjid harus ditanamkan dikalangan anak-anak agar sikap mereka terhadap institusi ini dapat tumbuh dan berkembang dengan benar, terutama dalam menghadapi tantangan era globalisasi yang memberi kesan besar pada proses pendidikan.

Kepentingan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pemahaman sejarah setempat. Oleh hal yang demikian, Masjid Tun Abdul Aziz atau lebih dikenali sebagai Masjid Bulat boleh menjadi bahagian penting dari sejarah setempat bagi negara Malaysia dari aspek keagamaan, seni bina dan budaya (Rahman, 2010). Jadi, kajian ini dapat dijadikan sebagai acuan untuk mereka yang ingin mempelajari dengan lebih mendalam mengenai sejarah pembinaan Masjid Bulat. Oleh itu, kajian ini dapat membantu generasi akan datang untuk memahami dengan lebih terperinci mengenai sejarah tempatan dari pelbagai aspek.

Seterusnya, kajian ini dapat membantu dalam menganalisis keunikan seni bina Masjid Bulat. Hal ini dikatakan kerana, setiap masjid di Malaysia mempunyai reka bentuk dan seni bina yang berbeza (Aflaki et al., 2015). Oleh itu, masyarakat akan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pelbagai seni bina dan reka bentuk masjid yang terdapat di Malaysia. Justeru itu, kajian ini dapat memberi maklumat yang berharga mengenai bagaimana seni bina dan warisan berkembang dan mempengaruhi seni bina pembinaan masjid.

Akhir sekali, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pendidikan dan penelitian. Ini kerana, sejarah pembinaan Masjid Bulat boleh dijadikan sebagai sumber pengetahuan yang berharga

untuk pendidikan dan penelitian terutama dari segi reka bentuk masjid tersebut (Ismail, 2005). Oleh itu, dengan mengungkap dengan lebih terperinci mengenai sejarah pembinaan Masjid Bulat, masyarakat akan memahami dengan lebih baik mengenai keindahan agama Islam, keunikan seni bina masjid dan perkembangan masyarakat setempat di kawasan seksyen 14.

6. TINJAUAN LITERATUR

Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur yang pada mulanya merupakan ibu negeri Selangor telah dipisahkan dari negeri Selangor kemudiannya membentuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kesan daripada pemisahan ini, Daerah Petaling merangkumi kawasan-kawasan yang disusun semula seperti sebahagian Mukim Bukit Raja, peralihan daripada Daerah Klang dan sebahagian Mukim Damansara, peralihan daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Portal Rasmi Pejabat Daerah Tanah Petaling, 2018)

Petaling Jaya merupakan sebuah bandar ibu kota yang menjadi tumpuan ramai. Daerah Petaling ditubuhkan pada 1 Februari 1974, yang merupakan sebuah daerah termaju di Negeri Selangor. Daerah ini mempunyai keluasan sejumlah 484.32 km² dan Petaling Jaya merupakan bandar utama yang mempunyai keluasan kawasan 97.2 km² dan merupakan bandar terbesar di antara bandar-bandar di Negeri Selangor (Portal Rasmi Pejabat Daerah Tanah Petaling, 2018). Pada 2023, Daerah Petaling mencatatkan bilangan penduduk tertinggi dengan 2.3 juta orang, demikian menurut anggaran penduduk semasa (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Petempatan di Daerah Petaling bermula sebagai kawasan perlombongan bijih timah, perkembangan aktiviti perlombongan bijih timah ini telah menarik perhatian banyak pedagang yang berdagang keperluan asas kepada pelombong-pelombong bijih ini sehingga pedagang-pedagang mula mendirikan kedai-kedai dan petempatan di sini.

Masjid Tun Abdul Aziz yang terletak di Seksyen 14 Petaling Jaya, adalah sebuah mercu tanda penting dalam landskap keagamaan dan budaya Malaysia. Sebagai pusat ibadah utama di kawasan tersebut, masjid ini telah menjadi tempat yang penting bagi komuniti muslim setempat (Portal Masjid Malaysia, 2012). Kajian literatur mengenai masjid ini membawa untuk menelusuri kepentingan sejarah, seni bina, dan peranan sosialnya dalam masyarakat. Masjid Bulat, dulunya dikenali sebagai Masjid Negeri Selangor, dibina pada tahun 1975. Ia dinamakan sempena Tun Abdul Aziz Abdul Rahman, bekas Menteri Besar Selangor yang berperanan penting dalam pembangunan masjid ini (Zaitie Satibi, 2019). Dengan reka bentuk yang menggabungkan unsur-unsur seni bina Islam tradisional dengan keunikan moden, masjid ini menarik minat ramai melalui keindahan bentuk seni bina nya.

Seterusnya, Masjid Bulat memaparkan kehebatan seni bina Islam dalam reka bentuknya yang megah, dari kubah hingga menara, setiap unsur seni bina nya menggambarkan keindahan dan keelokan seni bina Islam (Jones & Lee, 2018). Motif-motif geometri dan khat yang diukir di dinding masjid menambah keanggunan seninya. Penggunaan warna yang kaya dan pemilihan bahan yang berkualiti tinggi menunjukkan perhatian yang diberikan kepada butiran dalam pembinaan masjid ini. Selain menjadi pusat ibadah, Masjid Bulat juga memainkan peranan penting dalam menyediakan khidmat sosial kepada masyarakat setempat (Zaitie Satibi, 2019). Ia menjadi tempat pertemuan bagi pelbagai aktiviti keagamaan, termasuk pengajian, ceramah agama, dan program kebajikan. Di samping itu, masjid ini turut menyalurkan bantuan kepada golongan yang berkehendak melalui program kebajikan seperti bantuan makanan dan pakaian.

Dari segi sejarah, seni bina, dan peranan sosialnya, masjid ini membawakan peranan yang istimewa dalam membentuk jati dan kehidupan masyarakat setempat. Dengan keunikan dan keanggunan seni bina Islamnya, Masjid Bulat menonjol sebagai satu mercu tanda yang tidak hanya memenuhi keperluan rohani tetapi juga memperkukuhkan ikatan sosial dalam masyarakat.

Hasil Carian

a) *Media Sosial Masjid Tun Abdul Aziz*

Eksposisi informasi berkenaan Masjid Tun Abdul Aziz melalui platform media sosial ialah aplikasi Facebook dan Instagram rasmi Masjid Tun Abdul Aziz. Laman rasmi media sosial ini dicipta bertujuan untuk mengwar-warkan tentang informasi-informasi terkini berkenaan dengan program yang dikendalikan oleh pihak masjid secara khususnya. Bergerak seiring arus pemodenan, aplikasi Facebook dan Instagram ini memainkan peranan yang amat penting dalam menarik minat jamaah untuk menghadiri diri ke masjid. Selain itu, akaun ini juga memaparkan maklumat asas tentang Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya. Antara maklumat yang dipaparkan di laman sesawang adalah emel, nombor telefon pejabat, alamat dan waktu operasi masjid. Disamping itu, melalui platform akaun media sosial ini, penyelidik juga dapat mengakses pelbagai aktiviti yang dijalankan di masjid ini kerana admin yang mengendalikan akaun media sosial ini aktif dalam muat naik segala aktiviti dan rencana yang dilakukan oleh masjid. Antara aktiviti yang sering dipaparkan ialah kuliah-kuliah mingguan yang berkaitan dengan Sirah, Fiqh, Tahsin Al-Quran, Kuliah Umum dan lain-lain.

b) *Carian Google*

Berdasarkan pencarian melalui Google, terdapat sebanyak 1,200,000 sahaja bahan yang disediakan dibawah tajuk Masjid Tun Abdul Aziz, namun, hanya beberapa laman sesawang sahaja yang mempunyai kaitan dengan carian maklumat kajian yang penyelidik jalankan. Hal ini kerana Masjid Tun Abdul Aziz yang dipaparkan kebanyakannya adalah secara umum iaitu merangkumi daripada beberapa daerah mahupun dari negara lain yang mempunyai nama masjid yang seakan sama.

c) *Kajian Relevan*

Penyelidik tidak dapat menemukan kajian terdahulu mengenai Masjid Tun Abdul Aziz, justeru itu, hal ini memperkuatkan tentang kajian mengenai sejarah pembinaan nya harus di gali supaya pembaca dapat mengetahui tentang sejarah yang terkandung akan masjid ini.

d) *Keratan Akhbar*

Kajian melalui keratan akhbar juga menunjukkan beberapa topik yang relevan mengenai Masjid Tun Abdul Aziz. Sebagai contoh, menurut Utusan Malaysia, Masjid Tun Abdul Aziz menghadapi cabaran dalam menguruskan staf dan mencari sumber dana untuk operasi dan projek pembangunan. Ini menunjukkan bahawa masjid ini bukan sahaja berperanan dalam aspek keagamaan, tetapi juga memerlukan pengurusan yang cekap dan pemikiran inovatif untuk kelestariannya.

e) *OFA (Online Finding Aids)*

Berdasarkan pencarian di OFA iaitu pangkalan data bagi koleksi bahan arkib, hanya terdapat sedikit maklumat bergambar mengenai masjid ini. Hal ini bermakna kajian mengenai Masjid Tun Abdul Aziz adalah terhad. Ia juga menunjukkan bahawa kajian yang mendalam mengenai sejarah pembinaan dan seni bina masjid ini masih belum meluas. Oleh itu, kajian lanjutan adalah penting untuk merungkai sejarah dan keunikan seni bina Masjid Tun Abdul Aziz, serta untuk menyediakan rujukan yang lebih komprehensif bagi generasi akan datang.

f) Temu bual

Berdasarkan sesi temu bual bersama Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail sebagai pengurus Masjid Tun Abdul Aziz, bersama Ustaz Abdul Rashid bin Abdullah selaku Imam pertama masjid ini, terdapat beberapa soalan yang telah dikemukakan kepada mereka mengenai pembinaan masjid tersebut dengan lebih mendalam. Soalan-soalan sesi temu bual tersebut telah dibahagi kan kepada beberapa bahagian iaitu orientasi, umum dan spesifik. Hal ini sangat membantu penyelidik dalam mendapatkan informasi dan maklumat yang lebih tepat dan sahih. Segala informasi yang diperlukan oleh penyelidik dapat dikumpulkan dan maklumat yang didapati adalah terperinci yang dapat menyokong maklumat daripada sumber-sumber carian internet yang lain dengan bukti dokumen yang telah diberikan.

7. METODOLOGI

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah sejarah lisan secara bersemuka bersama tokoh yang dipilih. Dalam konteks kajian ini, tokoh yang dipilih oleh penyelidik ialah Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail yang merupakan seorang pengurus di Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya, yang telah berkhidmat selama 8 tahun, dan bersama Imam masjid iaitu Ustaz Abdul Rashid bin Abdullah yang telah menggalas jawatan sebagai seorang Imam di masjid ini selama 15 tahun. Pendekatan kualitatif iaitu melalui uslub tinjauan temubual secara bersemuka adalah digunakan bagi mengendalikan soal selidik yang berstruktur di mana penyelidik telah menyediakan serta mengemaskan pelbagai jenis soalan mengikut objektif kajian yang telah ditentukan untuk sesi wawancara.

Lantaran itu, pemilihan tokoh untuk tugas sejarah lisan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menolong memberikan maklumat yang bermanfaat yang memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan berkaitan dengan tajuk kajian. Oleh itu, penyelidik sebulat suara bersetuju untuk menetapkan Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail, yang merupakan seorang pengurus Masjid Tun Abdul Aziz bersama Imam masjid tersebut sebagai tokoh kajian ini. Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail merupakan pengurus Masjid Tun Abdul Aziz merangkap Ketua Operasi Pegawai Yayasan Semesta iaitu sebuah Yayasan dibawah pembangunan Masjid Tun Abdul Aziz. Justeru itu, pengalaman Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail dapat membuktikan bahawa beliau merupakan seorang yang komited dan bertanggung jawab dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Sepanjang tempoh temubual antara penyelidik dan tokoh iaitu Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail yang merupakan seorang pengurus di Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya, bersama Imam masjid tersebut iaitu Ustaz Abdul Rashid bin Abdullah, beberapa prosedur pengumpulan data telah dipastikan dalam sesi temubual wawancara ini. Antara kaedah yang digunakan ialah penyelidik bersikap kualitatif iaitu sejarah lisan. Medan yang digunakan adalah secara bersemuka bersama kedua tokoh. Hal ini memudahkan penyelidik dalam sesi temubual wawancara kerana kaedah penyampaian soalan dan jawapan menjadi lebih nyata antara tokoh dan penyelidik. Penyelidik telah berkunjung ke Masjid Tun Abdul Aziz dan menemui bual kedua-dua tokoh di masjid tersebut di Bilik Legasi Kasih Puan Sri Hamidah (Bilik Mesyuarat II). Kedua-dua tokoh di temubual pada hari yang sama 13 Jun 2024 namun pada waktu yang berbeza. Semasa sesi temu bual tersebut berjalan, penyelidik telah menyediakan dan mengajukan 147 soalan yang ingin dikaji mengikut kesesuaian objektif kajian yang telah ditentukan. Akhir sekali, tokoh-tokoh tersebut perlu menjawab segala soalan yang diajukan, dan tempoh bagi sesi temu bual adalah selama 157 minit iaitu bersamaan dengan 2 jam 37 minit.

8. HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini bertujuan untuk merungkai keunikan seni bina Masjid Bulat yang mengungkapkan beberapa aspek penting yang menarik perhatian. Antaranya adalah penerangan tentang sejarah awal pembinaan, agensi yang terlibat, cabaran, manfaat dan reaksi masyarakat bagi pembinaan masjid ini.

Walaupun Masjid Bulat bukan masjid utama di daerah ini, namun masjid ini merupakan masjid yang tertua dan mempunyai keunikan nya yang tersendiri. Reka bentuk yang unik Masjid Bulat ini merupakan hasil tangan daripada seorang arkitek dari Jabatan Kerja Raya (JKR) yang dikenali sebagai John Ho. Keputusan yang dibuat untuk menjadikan masjid ini berbentuk bulat adalah berdasarkan keterbatasan ruang yang tersedia, yang hanya seluas 0.9 hektar. Bentuk bulat yang dipilih bertujuan untuk memaksimumkan penggunaan ruang dan memberikan ruang yang mencukupi bagi tempat letak kenderaan dan keperluan lain di sekitar masjid. Masjid Bulat ini merupakan antara salah satu dari 3 masjid di Malaysia yang berbentuk bulat seperti Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang. Oleh hal yang demikian, keunikan bentuk bulat ini bukan sahaja menjadikannya dikenali sebagai Masjid Bulat namun ia juga mencerminkan kreativiti dalam mengatasi keterbatasan ruang yang menjadi kan ia sebuah masjid yang eksklusif di tengah bandar Petaling Jaya ini.

Selain itu, Masjid Bulat ini juga dihiasi dengan ukiran seni khat yang menambahkan lagi keindahan seni binanya. Seni kaligrafi khat yang dicanting oleh pasukan khat di siling-siling masjid ini diterbang kan khas daripada Indonesia yang ditempah oleh pihak masjid sendiri. Tempoh bagi pasukan Indonesia menyempurnakan seni khat kaligrafi ini pada siling masjid adalah selama 3 bulan. Motif ukiran yang digunakan oleh mereka adalah lebih kepada ayat-ayat suci al-Quran, surah-surah utama dan ayat-ayat lazim yang sering dibaca ketika waktu solat seperti surah Al-Fatihah, surah Al-Ikhlash, surah Al-Falaq dan surah An-Nas. Antara jenis khat yang digunakan oleh pasukan dari Indonesia ini adalah khat Nasakh, khat Diwani, khat Farisi dan khat Kufi. Masjid ini juga menggunakan konsep ciri kemelayuan melalui penggunaan cermin yang terbuka yang bertujuan untuk mendapatkan pencahayaan yang baik.

Tambahan lagi, sejak pembinaannya, Masjid Bulat juga telah mengalami beberapa pengubahsuaian bagi memastikan ia terus relevan dan memenuhi keperluan jemaah. Pengubahsuaian ini termasuk dengan penambahan ruang dan peningkatan fasiliti untuk keselesaan jemaah yang mengunjungi masjid ini seperti penambahan ruang wudhu' bagi jemaah lelaki dan penambahbaikan bagi bilik pengurusan jenazah. Pada tahun 2019, ketika dunia dilanda wabak COVID-19, pihak pengurusan masjid mengambil kesempatan ini dengan melakukan serba sedikit pengubahsuaian kepada Masjid Bulat untuk memberikan nya wajah yang baharu.

Bagi pengubahsuaian kini, masjid ini menggunakan khidmat daripada seorang arkitek wanita yang profesional iaitu Puan Ar. Zaiha Hamzah dari Z.H Architect. Beliau dipertanggungjawabkan untuk menyediakan reka bentuk baru bagi pengubahsuaian yang telah dilakukan. Puan Ar. Zaiha berganding bahu bersama-sama Tuan Ir. Azmi Mohamad yang merupakan seorang jurutera professional dari IK Consult Sdn. Bhd. yang bertindak sebagai Civil & Structural Consultant manakala Tuan Ir. Fadzli Burhanuddin dari Wan Husin & Associates Sdn. Bhd. adalah merupakan Mechanical & Electrical Consultant dalam pengubahsuaian masjid ini. Pertolongan dari ketiga professional tersebut telah memberi suatu kemajuan kepada pihak masjid iaitu pihak masjid dapat membina tangki air di bawah tanah untuk menyimpan air jikalau berlakunya gangguan bekalan air. Hal ini kerana, kita maklum bahawa negeri Selangor sering mendapat gangguan bekalan air, jadi dengan inisiatif pihak masjid ini, ia dapat memudah kan penduduk setempat juga.

Selain sebagai pusat ibadah, masjid ini juga berfungsi sebagai pusat komuniti untuk penduduk setempat. Di sini terdapat pelbagai aktiviti keagamaan dan sosial yang diadakan untuk memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian di kalangan masyarakat (Hassan, 2015). Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti ceramah, kursus agama dan program kesedaran masyarakat. Aktiviti seperti ini sering dijalankan untuk melibatkan komuniti dalam pembangunan rohani dan sosial. Masjid Bulat juga memainkan peranan penting dalam membentuk hubungan yang harmoni antara pelbagai kaum dan agama di kawasan nya. Sebagai contoh, Masjid Bulat juga pernah mencipta sejarah dengan mengadakan sambutan Tahun Baru Cina yang digabungkan Bersama Ulang Tahun Masjid. Sambutan itu digelar sebagai “Chinese Anniversary” dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat.

Sebagai pusat ibadah yang berdiri ditengah bandar, masjid ini telah menjadi tempat persinggahan dan interaksi antara individu dari latar belakang yang berbeza. Dari situ, masjid ini dapat memupuk kefahaman dan toleransi antara komuniti yang pelbagai (Ali, 2018). Masjid ini juga pernah mengambil bahagian dalam mengislamkan saudara bukan Islam, mengikut maklumat yang diperoleh, seramai 5 ke 7 saudara selamat Islamkan. Sesungguhnya mengislamkan seseorang merupakan suatu pekerjaan yang mulia kerana membawa manusia ke jalan hidayah kerana dia telah melaksanakan salah satu daripada sifat wajib bagi nabi atau rasul iaitu menyampaikan (Muhammad Mushfique, 2018).

Dalam konteks sejarah kawasan Seksyen 14, Petaling Jaya, Masjid Bulat telah menjadi saksi bisu perkembangan dan transformasi terhadap kawasan seksyen 14. Dengan warisan sejarahnya yang kaya, masjid ini terus menjadi sebuah mercu tanda yang memperteguh identiti dan jati diri komuniti setempat sambil menyambut dan memahami perubahan serta cabaran yang dihadapi oleh masyarakat moden (Ahmad, 2020). Dalam pada itu, Masjid Bulat menghadapi cabaran dalam pengurusan dan pemeliharaan bangunan nya yang semakin penting dengan bertambahnya usia bangunan. Kajian ini menekankan keperluan untuk memelihara dan memulihara warisan sejarah masjid ini, yang merupakan institusi keagamaan yang penting dalam Islam. Masjid Bulat tidak hanya berfungsi sebagai pusat ibadah, tetapi juga sebagai pusat komuniti yang penting. Masjid ini menyediakan pelbagai khidmat sosial dan menjadi tempat pertemuan bagi aktiviti keagamaan serta program kebajikan. Ini menunjukkan peranan masjid sebagai pusat yang menghubungkan masyarakat setempat dan mempromosikan kesejahteraan sosial.

Secara keseluruhannya, Masjid Bulat bukan sahaja merupakan sebuah pusat ibadah yang penting tetapi juga sebuah institusi sosial dan kebudayaan yang memainkan peranan dalam memperkukuhkan keharmonian dan integrasi masyarakat di Seksyen 14, Petaling Jaya, dan Malaysia secara umumnya. Kajian ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang sejarah pembinaan Masjid Bulat keunikan seni binanya, dan manfaatnya kepada masyarakat setempat. Kajian ini juga menyerukan kerjasama semua pihak untuk memelihara dan memulihara sejarah pembinaan masjid ini, yang merupakan warisan penting bagi generasi akan datang.



Gambar 1: Masjid Tun Abdul Aziz

9. KESIMPULAN

Secara ringkasnya, kajian ini menggabungkan metodologi penyelidikan dengan memfokuskan kepada sejarah lisan. Kajian ini membolehkan pemahaman yang lebih baik tentang nilai-nilai kepercayaan dan iktibar mereka kepada masyarakat awam dengan menganalisis secara menyeluruh naratif-naratif lisan. Ia juga memainkan peranan yang penting dalam memperbaiki rekod sejarah yang mungkin terpinggir atau diabaikan dalam penulisan sejarah rasmi. Dengan memanfaatkan teknik-teknik seperti wawancara, pemulihan dan interpretasi, kajian sejarah lisan membantu mengekalkan identiti budaya yang unik dan menyumbang kepada warisan turun temurun manusia.

Oleh yang demikian, pembinaan dan pemerkasaan masjid adalah penting demi memajukan masyarakat Islam, terutamanya dalam era moden yang semakin mencabar ini. Masjid adalah tempat penting di mana masyarakat Islam menjalankan aktiviti dan tumpuan utama masyarakat Islam. Dengan ini dapat di bincangkan bahawa masjid dan masyarakat Islam mempunyai hubungan yang tidak dapat dipisahkan. Justeru itu, penyelidikan lisan sejarah adalah penting sebagai cara untuk mengekalkan sejarah, budaya, dan nilai-nilai yang berkaitan dengan masjid dalam masyarakat. Ini secara tidak langsung dapat membantu memelihara kisah pembinaan masjid yang tidak tertulis daripada hilang ditelan zaman agar generasi yang akan datang boleh mengingatinya.

Penghargaan: Kami bersyukur kepada Tuhan yang maha Esa kerana kami dapat menyelesaikan tugas ini dengan lancar, tanpa mengira perkara yang berlaku sebelum, semasa, dan selepas. Dengan berkat dan rahmat-Nya, kami dapat menyelesaikan tugas ini secara kolektif pada masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa rintangan yang datang tanpa diduga, tetapi mereka boleh diatasi dengan bijak dan mudah oleh izin-Nya.

Selain itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Mohammad Sohaimi bin Ismail, pengurus Masjid Tun Abdul Aziz; Ustaz Abdul Rashid bin Abdullah, Imam Masjid Tun Abdul Aziz; dan Puan Zaila, yang bertindak sebagai perantara antara kami dan individu berdua. Jutaan terima kasih atas masa yang diberikan dan kesudian untuk memenuhi banyak permintaan kami untuk menyelesaikan tugas ini. Kami akan gunakan semua maklumat, nasihat dan isi yang diberikan kepada kami akan dengan baik dan boleh memberi inspirasi kepada orang lain, terutamanya kepada pendidik. Kami ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang membantu kami sepanjang temu bual. Kami sangat berterima kasih atas semua maklumat yang diberikan kerana ia membolehkan kami mengetahui lebih lanjut tentang sejarah pembinaan Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya. Kami bersyukur dan bangga dapat menemui bual kedua-dua individu ini. Kami dapat menyelesaikan tugas ini dengan berjaya walaupun terdapat beberapa halangan.

Selain itu, Encik Jafalizan bin Md.Jali, pensyarah yang sangat kami hargai dan sayangi yang telah mengajar kami kursus Pendokumentasian Sejarah Lisan IMR604. Terima kasih kepada pembelajaran dan penyampaiannya, kami dapat menyelesaikan dan melaksanakan tugas ini dengan lebih mudah dan lebih jelas untuk mencapai objektif kursus ini. Kami sangat berterima kasih atas segala bantuan yang beliau berikan kepada kami. Selain itu, kami mungkin tidak dapat menyelesaikan tugas ini dengan sempurna dan mudah tanpa bantuan beliau. Sudah tentu, segala masa dan pengorbanan yang beliau berikan kepada kami semasa melaksanakan tugas ini. Selain itu, pengetahuan yang beliau berikan mempunyai keupayaan untuk memberi kami gambaran dan pengalaman yang

membolehkan kami berfikir secara luar biasa, menjadi lebih kreatif, dan mengajar kami cara menguruskan perkara dengan lebih profesional.

Akhir kalam, tidak lupa untuk mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan, keluarga dan orang di sekeliling kami yang telah membantu kami menyelesaikan tugas ini. Kami mungkin tidak akan berada di sini jika tiada sokongan, dorongan dan galakan daripada orang terdekat kami. Selain itu, kami berterima kasih kepada Faiz Nur Rasyiqah Rauqah binti Mohamad Fadzli dan Lidya Ashshafiqah Fredoline yang telah menawarkan bantuan kepada kami semasa kami bekerjasama untuk menyelesaikan tugas temubual ini. Tidak ketinggalan ucapan terima kasih untuk rakan sekelas yang lain kerana mereka banyak memberi inspirasi dan dorongan kepada kami untuk menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang membantu kami, baik secara langsung mahupun tidak langsung, dalam memberi kami peluang untuk menyelesaikan tugas ini.

RUJUKAN

- Abu Hassan, R. (2004). *Mengenal Dan Mentafsir Sumber Sejarah*. Karisma Publications.
- Aflaki, A., Zainal, Z., & Hamzah, M. (2015). **Seni Bina Masjid Tradisional dan Modern di Malaysia**. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ahmad, Z. (2020). **Identiti dan Transformasi: Kisah Seksyen 14, Petaling Jaya**. Selangor: Penerbitan Institut Penyelidikan Malaysia.
- Al Fozan. (n.d.). Mosqopedia.org. Retrieved April 23, 2024, from <https://mosqopedia.org/en/mosque/1080>
- Ali, R. (2018). **Transformasi Bandaraya: Petaling Jaya dari Masa ke Masa**. Kuala Lumpur: Penerbitan Dewan Bandaraya Petaling Jaya.
- Brown, C. (2019). Institusi Masjid Tun Abdul Aziz sebagai Mercu Tanda Penting dalam Masyarakat Tempatan Kajian Literatur.
- Cigusa, C. (2016). FYP MASJID TUN ABDUL AZIZ 2016 pdf 23.12.16 LATEST.pdf. [Www.academia.edu. https://www.academia.edu/32610420/FYP_MASJID_TUN_ABDUL_AZIZ_2016_pdf_23_12_16_LATEST_pdf](https://www.academia.edu/32610420/FYP_MASJID_TUN_ABDUL_AZIZ_2016_pdf_23_12_16_LATEST_pdf)
- Editor. (2016, May 29). Dilema Rekabentuk Masjid di Malaysia: Hilangnya Konsep Kesederhanaan & Kelestarian. [MajalahSains. https://www.majalahsains.com/dilema-rekabentuk-masjid-di-malaysia/](https://www.majalahsains.com/dilema-rekabentuk-masjid-di-malaysia/)
- Han Lin, S. (2020, July). *Sejauh manakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ?* Research Gate. https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah
- Hassan, S. (2015). **Komuniti dan Keagamaan: Hubungan Sosiobudaya di Malaysia**. Selangor: Penerbitan Universiti Malaya.
- Isa, S. (n.d.). PERMASALAHAN KAJIAN. [Www.academia.edu. https://www.academia.edu/8738405/PERMASALAHAN_KAJIAN](https://www.academia.edu/8738405/PERMASALAHAN_KAJIAN)
- Ismail, A. (2005). *Sejarah Menteri Besar Selangor*. Kuala Lumpur: Penerbitan Selangor.
- Jones, A., & Lee, B. (2018). *Keindahan Arsitektur Masjid Tun Abdul Aziz: Kajian Seni Bina Islam Tradisional dan Modern*.
- Masjid Tun Abdul Aziz (Masjid Bulat), Petaling Jaya. (n.d.). Islamic Tourism Centre of Malaysia | ITC. Retrieved April 23, 2024, from <https://itc.gov.my/listings/masjid-tun-abdul-aziz-masjid-bulat-petaling-jaya/>
- Nik Saiful Ameyrul, Nik Hanapi and Noria, Tugang (2021) *Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6 (7). pp. 228-235. ISSN 2504-8562
- Perpustakaan Universiti Malaya. (n.d.). [Perpustakaan.um.edu.my. https://perpustakaan.um.edu.my/sejarah-lisan](https://perpustakaan.um.edu.my/sejarah-lisan)
- Portal Masjid Malaysia. (2012). *Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya*.
- Rahman, M. (2010). **Arsitektur Masjid di Malaysia**. Petaling Jaya: Penerbitan Utusan.

- Satibi, Z. (2019, March 13). *Misi naik taraf Masjid Bulat*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/03/433108/misi-naik-taraf-masjid-bulat>
- Surat, M. (2012). *Identiti senibina kebangsaan melalui pendekatan senibina warisan alam melayu / Ar. Mastor Surat*. Melayu.library.uitm.edu.my. <https://melayu.library.uitm.edu.my/1420/>
- Yassin, N. A. S. M., Zainudin, N. F., Samsudin, A. Z. H., & Jali, J. M. (2024). Sejarah Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Persiaran Pulau Angsa, Puncak Perdana: Perkisahan sejarah. *Jurnal Kajian Lisan Malaysia*, 2, 120–129. <https://academicapress.org/index.php/jklm/article/view/23/25>
- Zaitie Satibi. (2019). *Pembangunan Masjid Tun Abdul Aziz: Sejarah dan Peranan Tun Abdul Aziz Abdul Rahman*.